

"Kempen Labur & MAE-nang" ("Kempen") dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (196001000142) ("Maybank") dan adalah tertakluk kepada terma dan syarat ("Terma dan Syarat") berikut. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Yang Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 1 di bawah) secara nyata bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Maybank berkenaan dengan Kempen adalah muktamad dan mengikat.

## 1.0 Kelayakan

- a) Kempen ini adalah terbuka kepada semua individu yang mempunyai akaun berdaftar Maybank2u (M2U) yang aktif atau pemegang akaun Maybank Anytime Everywhere ("MAE") yang berdaftar dengan nombor Kad Pengenalan Malaysia (NRIC) yang telah pun melakukan transaksi sah (seperti yang dinyatakan dalam lajur bertanda 'Transaksi Sah' dalam jadual di Klausa 2 ("Transaksi Sah") melalui laman web Maybank2u, aplikasi M2U MY (versi 8.6 dan ke atas), dan aplikasi MAE (versi 1.3 dan ke atas) ("Platform Sah").
  - i. Pelanggan boleh menyemak versi aplikasi MAE oleh Maybank2u dan aplikasi M2U MY melalui *Apple App Store*, *Huawei App Gallery* dan/atau *Google Play Store*.
- b) Kesemua pelanggan individu yang telahpun memenuhi kriteria di atas dan telahpun berjaya melakukan transaksi akan digelar "Peserta Yang Layak" selepas ini. Peserta Yang Layak juga akan secara automatik menyertai Kempen ini secara sah.
- c) Kempen ini adalah terbuka kepada individu yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas dengan dokumen pengesahan yang sah. Bagi individu yang berumur kurang daripada lapan belas (18) tahun ("pelanggan bawah umur"), perlu mendapatkan izin daripada kedua ibu bapa dan/atau penjaga sah untuk menyertai Kempen ini. Penggunaan aplikasi MAE dan akaun MAE adalah perakuan kepada pihak Maybank bahawa pelanggan bawah umur telahpun mendapat izin daripada ibu bapa dan/atau penjaga sah mereka. Ibu bapa dan/atau penjaga sah juga adalah tertakluk pada Terma dan Syarat ini bagi mewakili pelanggan bawah umur.

## 2.0 Mekanisme Kempen dan Syarat-Syarat

- a) Kempen ini akan bermula pada 1 Oktober 2022, 00:00:00AM (MYT) dan tamat pada 30 November 2022, 11:59:59PM (MYT), termasuk kedua-dua tarikh ("Tempoh Kempen").
- b) Peserta Yang Layak perlu melakukan Transaksi Sah melalui laman web Maybank2u, aplikasi M2U MY, atau aplikasi MAE seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah dengan **minimum transaksi sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00)** untuk mendapat penyertaan dan berpeluang untuk memenangi Hadiah-Hadiah seperti yang dinyatakan dalam Klausa 2(c).

- c) Dalam Tempoh Kempen, Maybank menawarkan yang berikut ke semua Peserta Yang Layak yang melaksanakan Transaksi Sah di laman web Maybank2u, aplikasi Maybank2u, atau aplikasi MAE sahaja:

Transaksi Sah	Bilangan transaksi untuk satu (1) peluang	Hadiah	Cara pemilihan pemenang	Bilangan Pemenang
Dapat satu (1) peluang untuk setiap transaksi dalam talian ke akaun dana harga tetap Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB") dengan minimum Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00) per transaksi	Minimum sepuluh (10) transaksi sebulan	Perodua Myvi 1.3L G	Akan dipilih secara rawak di hujung Tempoh Kempen	<ul style="list-style-type: none"> <li>Satu (1) pemenang untuk sepanjang Tempoh Kempen</li> </ul>
	Minimum lima (5) transaksi sebulan	Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500.00) hadiah tunai		<ul style="list-style-type: none"> <li>Lapan Puluh (80) pemenang sebulan dalam Tempoh Kempen</li> <li>Satu Ratus Enam Puluh (160) pemenang sepanjang Tempoh Kempen</li> </ul>
	Minimum tiga (3) transaksi sebulan	Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00) hadiah tunai		<ul style="list-style-type: none"> <li>Satu Ratus Tujuh Puluh (170) pemenang sebulan sepanjang Tempoh Kempen</li> <li>Tiga Ratus Empat Puluh (340) pemenang sepanjang Tempoh Kempen</li> </ul>

Contoh:

	Senario	Peluang sah untuk Transaksi Sah
a	Pelaburan ke akaun ASNB sebanyak sekali berjumlah Ringgit Malaysia Tiga Puluh (RM30.00) melalui kaunter di cawangan Maybank.	Tiada peluang diterima kerana transaksi yang dilakukan tidak memenuhi kriteria "Transaksi Sah" seperti Klausa 1(a).
b	Lima (5) transaksi berasingan dalam bulan Oktober 2022 ke dalam akaun ASNB melalui laman web Maybank2u, dengan pelaburan Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00) setiap kali (berjumlah Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00)).	Terima (1) peluang untuk memenangi Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500.00) hadiah tunai.
c	Empat (4) transaksi berasingan dalam bulan Oktober 2022, dan sebelas (11) transaksi berasingan dalam bulan November 2022 ke dalam akaun ASNB melalui aplikasi MAE, dengan pelaburan Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20.00) setiap kali (berjumlah Ringgit Malaysia Tiga Ratus (RM300.00)).	Terima satu (1) peluang untuk memenangi Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00) hadiah tunai dalam bulan Oktober 2022 dan satu (1) peluang untuk memenangi Perodua Myvi dalam bulan November 2022.

d	Dua puluh (20) transaksi berasingan dalam bulan Oktober 2022, dan sepuluh (10) transaksi berasingan dalam bulan November 2022 ke dalam akaun ASNB melalui aplikasi MAE, dengan nilai daripada Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00) ke Ringgit Malaysia Seratus (RM100.00) setiap kali.	Terima dua (2) peluang untuk memenangi Perodua Myvi.
---	--	--

- d) Peserta Yang Layak layak menerima peluang untuk menang hanya satu Hadiah sebulan dalam Tempoh Kempen, dengan sama ada kombinasi berikut:
  - i. Satu (1) x Perodua Myvi 1.3L G dan satu (1) x Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500.00) hadiah tunai; atau
  - ii. Satu (1) x Perodua Myvi 1.3L G dan satu (1) x Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00) hadiah tunai; atau
  - iii. Satu (1) x Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500.00) hadiah tunai dan satu (1) x RM50.00 hadiah tunai; atau
  - iv. Satu (1) x Perodua Myvi 1.3L G; atau
  - v. Satu (1) x Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500.00) hadiah tunai; atau
  - vi. Satu (1) x Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00) hadiah tunai
- e) Maybank berhak untuk menggantikan sebarang dan semua Hadiah yang disenaraikan di atas dengan barang lain dengan nilai pasaran yang sama melalui budi bicara yang sesuai dalam masa dua puluh satu (21) hari kalender kepada para pemenang.
- f) Bagi situasi di mana para pemenang gagal untuk memenuhi sebarang Terma dan Syarat bagi Kempen ini, Maybank berhak membatalkan Hadiah.

### 3.0 Pemberian Hadiah

- a) Kesemua nama-nama pemenang dan nombor telefon (4 digit terakhir) akan disiarkan di laman Facebook rasmi Maybank dan laman promosi Kempen di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) dan/atau cara komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh Maybank.
  - b) Hadiah-Hadiah akan diberikan mengikut garis masa berikut:
- | Butiran                   | Garis Masa               |
|---------------------------|--------------------------|
| Pemberian Hadiah Pemenang | Sebelum 28 Februari 2023 |
| Pengumuman Pemenang       | Sebelum 28 Februari 2023 |
- c) Semua hadiah wang tunai akan dikreditkan ke dalam akaun semasa atau akaun simpanan pemenang selepas Kempen tamat.
  - d) Untuk hadiah fizikal dari Maybank, pengesahan perlu dilakukan sebelum pemberian Hadiah dan Hadiah perlu dihantar dalam masa sembilan puluh (90) hari selepas Kempen tamat.
  - e) Gambaran hadiah-hadiah dalam sebarang bahan promosi untuk Kempen ini adalah merupakan untuk tujuan ilustrasi sahaja. Warna dan butiran kecil lain mungkin berubah.
  - f) Maybank tidak bertanggungjawab untuk sebarang tanggungjawab cukai yang akan timbul selepas menerima hadiah atau penggunaan hadiah. Sebarang kos tambahan, kastam, cukai dan/atau kos-kos lain atau caj-caj yang berkaitan dengan hadiah akan ditanggung oleh pemenang (cukai jalan, insurans dll).

- g) Maybank akan laksanakan maksimum sebanyak tiga (3) cubaan panggilan ketika jam bekerja (9:00am- 6:00pm) dalam masa dua (2) hari bekerja untuk hubungi para pemenang melalui nombor telefon yang diberi pada pihak Maybank seperti yang ditunjukkan dalam rekod Maybank untuk tujuan pengesahan.
- h) Maybank berhak untuk meminta dokumentasi atau bukti identifikasi, umur, dan tempat tinggal bagi mana-mana pemenang Kempen ini yang mungkin akan berlaku di masa hadapan.
- i) Sekiranya Maybank tidak dapat menghubungi pemenang yang disenarai pendek, termasuk dan tidak terhad kepada, tidak berbalas, nombor tidak lagi digunakan dan tiada talian selepas 3 panggilan, pemenang yang disenarai pendek akan menjadi tidak layak dan Maybank berhak untuk terus menghubungi pemenang disenarai pendek yang seterusnya.
- j) Maybank tidak akan meminta butiran perbankan seperti nombor kad kredit/kad debit dan kod pengesahan transaksi (TAC), kata laluan akaun, nombor pengenalan peribadi (PIN) atau kata laluan satu kali (OTP) untuk para pemenang mendapatkan hadiah mereka atas tujuan apa sekalipun. Pemenang sedia maklum dan bersetuju bahawa Maybank berhak untuk melucutkan penyertaan bagi Kempen ini atau mengambil semula Hadiah dari pemenang jika:
  - i. pemenang didapati atau disyaki mengganggu Mekanisme Kempen atau operasi Kempen;
  - ii. pemenang didapati atau disyaki melaksanakan aktiviti-aktiviti penipuan atau aktiviti lain yang boleh merosakkan Kempen; atau
  - iii. pemenang telah didapati melanggar sebarang Terma dan Syarat Kempen ini. Tidak termasuk yang di atas, Maybank berhak menolak sebarang penyertaan atau sebarang pemenang dengan budi bicara yang dianggap sesuai tanpa sebarang sebab.

#### **4.0 Terma dan Syarat Umum**

- a) Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kegagalan teknikal, campur tangan, gangguan dan/atau kesalahan elektronik atau manusia dalam pengendalian dan/atau pemrosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, aplikasi M2U MY, Maybank2uBiz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat bahawa masalah bukan disebabkan oleh pihak Maybank.
- b) Maybank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, memanjangkan atau menamatkan keseluruhan Kempen ini atau sebahagiannya dan berhak meminda Terma dan Syarat yang berikut dari masa ke semasa dengan memberi notis terdahulu dua puluh satu (21) hari ("hari" bermaksud hari kalender). Pemberitahuan berkenaan akan disiarkan melalui laman web Maybank2u ([www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my)) atau melalui kaedah komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh Bank. Peserta Yang Layak bertanggungjawab untuk dimaklumkan atau mendapatkan pemberitahuan sedemikian yang disiarkan secara sah.
- c) Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Yang Layak bersetuju untuk melayari laman web Maybank2u ([www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my)) secara berkala untuk membaca Terma dan Syarat ini dan mendapatkan penjelasan dari pihak Maybank sekiranya mana-mana Terma dan Syarat tidak dapat difahami sepenuhnya.
- d) Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Yang Layak bersetuju untuk menjadi terikat dengan Terma dan Syarat serta bersetuju dan memberi kebenaran kepada pihak Maybank untuk mengumpul, memproses dan menggunakan data peribadi mereka menurut Penyata Privasi Kumpulan Maybank, yang boleh dirujuk di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) ("Penyata Privasi Kumpulan Maybank") dan Borang PDPA Untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.

- e) Sebagai tambahan dan tanpa menjelaskan terma dalam Penyata Privasi Kumpulan Maybank dan Borang PDPA Untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Peserta Yang Layak bersetuju dan memberi kebenaran untuk mengumpul, memproses dan menggunakan data peribadi mereka bagi:
  - i. tujuan Kempen ini; dan
  - ii. aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang media dan bahan iklan atau publisiti, seperti rakaman audio dan/atau visual yang dipaparkan melalui surat khabar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media digital dan dalam talian dan Internet. Aktiviti pemasaran dan promosi, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan dan/atau penerbitan butiran yang diberikan dan/atau berkaitan dengan penyertaan, bahan temu ramah, serta jawapan dan gambar berkaitan. Berkenaan ini, Peserta Yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan menyertai sebarang aktiviti periklanan dan publisiti oleh pihak Maybank yang berkaitan dengan Kempen ini.
- f) Maybank, ASNB dan semua pegawai, pembantu, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk tetapi tidak terhad kepada, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang terlibat bagi tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan yang langsung, tidak langsung, khas, atau diakibatkan oleh (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah) atau berkaitan dengan Kempen ini, kecuali yang disebabkan oleh kelalaian atau pengecualian berat oleh pihak Maybank atau ASNB.
- g) Maybank dan ASNB tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana kegagalan untuk melaksanakan tanggungjawab yang berkaitan dengan Kempen ini disebabkan oleh kejadian sifat ‘force majeure’, termasuk tetapi tidak terhad kepada, tindakan ‘act of God’, perperangan, rusuhan, penguncian, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik, atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah pihak Maybank dan ASNB.
- h) Maybank berhak mengikut budi bicaranya melucutkan/membatalkan/menolak kelayakan mana-mana Peserta Yang Layak yang tidak mematuhi Terma dan Syarat dan/atau didapati atau disyaki mengganggu Kempen ini dan/atau proses atau operasi Kempen ini, termasuk aktiviti penipuan yang melibatkan sebarang tipu muslihat dan/atau helah berkaitan dengan Kempen ini.
  - i) Terma dan Syarat yang dinyatakan disini berkuatkuasa mengikut Undang-Undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia.
  - j) Terma dan Syarat Kempen Am ini dan setiap terma dan syarat kempen individu juga boleh didapati dalam Bahasa Inggeris. Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris akan digunakan sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman, konflik, kecaburan atau percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklumbalas, dan/atau aduan mengenai Kempen ini, sila hubungi Perkhidmatan Pelanggan Maybank di talian utama 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Selain itu, untuk maklumbalas dan/atau aduan, Peserta Yang Layak boleh menghantar emel kepada Bank melalui borang maklumbalas di laman web Maybank2u ([www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my)).